



UMP lahir graduan sulung Sarjana Kejuruteraan Kimia dengan Keusahawanan

Berita dan Foto oleh: DR. AHMAD ZIAD SULAIMAN

Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya berjaya melahirkan graduan pertamanya di dalam bidang Sarjana Kejuruteraan Kimia (FKKSA) dengan Keusahawanan pada Majlis Konvokesyen Ke-8 UMP pada 5 Oktober 2013 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan UMP kampus Gambang.

Timbalan Dekan Institut Pengajian Siswazah UMP, Dr Ahmad Ziad Sulaiman yang juga merupakan Ketua Program berkata, program ini dapat memberi ruang dan peluang kepada kemunculan usahawan-teknologi dan usahawan korporat dengan asas pengetahuan yang kukuh.

"Menariknya program ini disertai dengan kemahiran pengurusan, teknikal dan pengkomersialan usaha sama perniagaan. Malah program ini juga mampu menyediakan kerjaya sebagai pengurus yang berjaya di syarikat persendirian atau sektor awam sama ada tempatan ataupun antarabangsa.

"Program pengajian secara kerja kursus selama satu tahun atau tiga semester pengajian ini merupakan program peringkat ijazah sarjana yang dibangunkan untuk mereka yang berminat menjadi usahawan-teknologi (*technopreneur*) di bidang Kejuruteraan Kimia atau yang ingin meningkatkan kerjaya

di peringkat profesional dalam bidang Industri dan Teknologi Kimia," katanya.

Tambah beliau, graduan di dalam bidang ini akan menyumbang kepakaran mereka dalam pembangunan industri gas, petroleum, petrokimia, pengurusan alam sekitar, pembangunan produk kimia baharu, pengurusan mutu produk serta berupaya menerokai bidang perniagaan dan keusahawanan yang berpotensi besar.

Dr. Ahmad Ziad mengingatkan para graduan agar dapat menggunakan pengetahuan kejuruteraan kimia, ekonomi, pengurusan perniagaan dan keusahawanan serta menilai suatu pelan perniagaan secara menyeluruh dan mengenalpasti peluang keusahawanan untuk diceburi.

Selain itu, para graduan juga diharapkan dapat membina penyelesaian yang kreatif dan inovatif terhadap masalah perniagaan dan kejuruteraan serta menerangkan kesan penyelesaian teknologi-perniagaan dan konsep kelestarian dalam kontek global, persekitaran dan sosial.



Graduan yang merupakan pensyarah di Universiti Kuala Lumpur (UniKL-MICET cawangan Kejuruteraan Kimia), Azyyati Johari berkata, beliau hanya mengambil masa dalam tiga bulan untuk diterima bekerja sebagai pensyarah sepenuh masa di UniKL MICET setelah memperoleh Sarjana daripada UMP ini.

Begitu juga dengan Mohd Aedlan Nur Ahmad yang bertuah kerana berjaya ditawarkan pekerjaan sebagai Jurutera Proses di Syarikat Kaneka Sdn. Bhd. sempena Karnival Kerjaya Sektor Berfokus anjuran UMP dan Talent Corp. Malaysia baru-baru ini.